



Akadku Yang Terakhir

Acik Lana

Download now

Read Online [➔](#)

Akadku Yang Terakhir

Acik Lana

Akadku Yang Terakhir Acik Lana

Tugas sebagai seorang Pakar Psikoterapi telah menemukan Rania Baheera dengan seorang duda yang tiga kali berkahwin, tiga kali bercerai tanpa sebab bernama Irham Zahri. Dan keengganan Irham Zahri untuk bekerjasama dalam setiap sesi terapi yang diatur menambahkan rasa sebal di hati Rania.

Hati yang rimas mula bergetar indah tatkala kehadiran Rania berjaya menghapus bayang-bayang silam dan menyuntik keyakinan buat dirinya. Usaha meraih kepercayaan Rania membuahkan hasil apabila cinta yang dihulur disambut penuh kasih. Dan sekali lagi lafaz akad nikah meniti di bibir Irham Zahri dengan tekad yang perkahwinan ini akan menjadi akadnya yang terakhir. Tiada lagi selepas Rania!

Tatkala dibuai keindahan menikmati alam berumah tangga, hubungan Rania dan Irham Zahri bergoncang dengan kehadiran Zalia yang menaruh dendam dan juga sikap melindungi Fazriq.

Mampukah akad yang dilafaz menjadi akad terakhir yang kekal sehingga ke hujung nyawa?

“Kerana aku mula mengerti betapa indah cintamu, Betapa agung dan tulus kasih sayangmu, Kini aku bersumpah, kau yang terakhir buatku...”

Akadku Yang Terakhir Details

Date : Published April 2014 by Kaki Novel

ISBN :

Author : Acik Lana

Format : Paperback 957 pages

Genre : Novels

 [Download Akadku Yang Terakhir ...pdf](#)

 [Read Online Akadku Yang Terakhir ...pdf](#)

Download and Read Free Online Akadku Yang Terakhir Acik Lana

From Reader Review Akadku Yang Terakhir for online ebook

Nonie?serenity2bliss says

Announcement before review: N nak jual buku ni for RM25. Pada sesiapa yang berminat, boleh lar PM :-)

Memang susah nak stop bila dah start ;) N nak kasih lima bintang, tapi ada certain part yang pada N agak meleret. Tapi apa-apa pun, N suka sangat dengan Rania and Irham.

Tertanya-tanya jugak N, kenapalah si Irham ni kahwin-cerai sampai tiga kali. Pelbagai teori berlegar dalam kepala N, including salah satunya adalah kes mati pucuk...Naisb baiklah bukan itu kesnya. kesian jugak si Rania nanti... :p

kuzzeen says

Hanya mampu bertahan x sampai m/s ke-100.

Akhirnya di-letgo kerana sedar akan kelemahan diri bila berhadapan dengan karya penulis ini.

Peace

Emoon says

Masa beli novel x bace pun sinopsis dia.... terus je order online.... coz tgk je penulis dia Acik Lana and buku baru kuar terus je beli.... walaupun x bace terus tp mmg tau buku ni mesti best giler2!!!!

Walla! it really ohsem!!!!

Tahniah Penulis Acik Lana Can't wait for your new book!

Rasanya x perlu kot nk review sgt novel ni coz mmg confirm fantastic punya....

The very best owez!!!! Semua buku2 Acik Lana ada dlm koleksi... hahaha....

nilam says

Karya Acik Lana memang Ohsemm!! sbb ceritanya fresh dari ladang..semuanya boleh buat kita terpukau..lagi2 bila cuba mewujudkan satu watak..boleh cairr dengan watak Irham Zahri ni..

Kali ni kisah tentang Irham seorang duda yang telah bercerai sebanyak 3 kali. Perkahwinan dgn bekas2 isterinya semuanya x bertahan sampai setahun. Ayah Irham yang rasa Irham ada masalah, cuba memaksa Irham jumpa dengan pakar Psikoterapi. Irham pula agk ego merasakan tindakan ayahnya sangat melampau. Lepas diugut ayahnya, Irham terpaksa jugak berjumpa dengan pakar psikoterapi tersebut.

Dari situlah, bermulanya pertemuan Irham dengan Rania. Permulaannya Irham memang tidak dapat terima

Rania sebagai doktor yang merawatnya. Lagi2 bila dia lihat Rania terlalu muda dan belum berkahwin. Disebabkan ego Irham sampai tidak mahu memberi kerjasama, Rania terpaksa berbohong bahawa dirinya telah berkahwin. Irham pula cuba merasuah Rania untuk memalsukan laporan, tapi Rania tidak makan rasuah. Irham yang geram dengan sikap Rania membuat rancangan untuk mengenakan Rania. Tapi lain pula yang jadi bila tiba2 hatinya berasa lain bila mendekati Rania.

Irham mengakui dia telah jatuh cinta dengan Rania. Perasaannya kali ni agak berbeza berbanding bersama dengan bekas2 isterinya dahulu. Tapi disebabkan Rania sudah berkahwin Irham cuba menindakkannya. Rania pula ada kisahnya, dia menyukai abang angkatnya yang sentiasa ambil berat akan dirinya. Siapa yang x jatuh cinta kan. Tapi perasaan Rania hancur bila Fazriq rupanya suka akan kakak Rania Zulia. Dan dari perasaan kecewa Rania menerima tawaran Irham dan pergi ke Johor. Dari situlah mereka semakin rapat.

Sangat saspem bila rahsia Rania yang belum berkahwin terbongkar. Apa tidaknya, bila Irham macam beri hint suka kat Rania, Rania asyik mengelak dan mengingatkannya dia telah berkahwin. Bila dapat tahu Rania masih single apa lagi..memang x lepaslah si Rania.

Macam2 cara Irham pikat Rania. Irham sampai sanggup melamar Rania jadi isterinya. Siapa yang tak tergoda dan jatuh cinta dengan sikap Irham. Memang Irham telah buat Rania melupakan Fazriq 100%. Rania yang pada mulanya menindakkan perasaannya terhadap Irham akhirnya kalah dengan perasaannya. Hatinya mula belajar merindu bila Irham jauh dimata. Tapi Rania masih serba salah untuk menerima Irham disebabkan sejarah perkahwinan Irham sebelum ini. Tapi bila hati dah sayang, Rania terima jugak lamaran Irham.

Meraka memang bahagia selepas berkahwin. Irham memang memberi kebahagiaan kepada Rania. Tapi disebabkan sikap Fazriq yang sentiasa sibuk mengambil berat akan Rania, membuatkan Irham mula merasa curiga. Oh tak sangka konfliknya adalah cemburu buta Irham. Sangat teruk perangai Irham bila dia cemburu. Dan dari sikap Irham yang berubah itulah, merasakan memang tidak silap lagi Irham masih bermasalah jiwa.

Kalau nak tau apa yang berlaku kena lah baca sendiri. Tak boleh nak cerita panjang. Tapi sangat sedih akan nasib Rania. Ingat Irham tu dah sihatlah bila lakukan terapi bersama Rania sebelum ni. Tapi disebabkan Irham terlalu cinta akan Rania, sanggup Irham buat Rania macam tu. Nasib baik apa-apapun Rania tetap cintakan Irham..

Zurianita Manab says

Rania yang hidup dengan penuh kasih sayang orang sekeliling akhirnya kecewa bila rupanya dia hanya bertepuk sebelah tangan. Cintanya pada Fazriq mengunung tinggi namun rupanya Fazriq tidak memiliki perasaan yang sama dengan Rania. Kecewa lalu melarikan diri dengan alasan kerja membawa Rania semakin hampir dengan Irham.

Irham yang telah gagal dalam perkahwinan sebanyak 3 kali dipaksa ayahnya untuk mendapatkan rawatan psikitrik. Terpaksa demi kasih pada ibu, Irham mencari berbagai helah untuk mengagalkan usaha Rania merawatnya. Namun tanpa Irham sedar, perasaan lain yang bertandang.

Cerita yang sangat osem tapi bahagian ending rasa mcm laju sangat... :(Tak sempat nak frust lama2...

Asmar Shah says

3.25* untuk Akadku Yang Terakhir!

Buku pertama penulis yang aku baca. Dan semua karyanya boleh tahan tebal-tebal.

Memandangkan aku memang lambat baca buku ini, maka bila baca review-review kakak pembaca yang lain, ya ada beberapa benda yang aku setuju.

Penulis seperti sengaja membawa kita ambil jalan yang jauh. Penat juga sebenarnya bila masuk corner sana, masuk lorong sini. Macam pembaca lain cakap, susah betul nak bahagia. Betul-betul drama melayu dan hampir-hampir jadi sinetron.

Ada bahagian yang aku baca laju-laju dan skip.

Aku tak tahu kenapa aku tak dapat nak hayati sangat jalan cerita naskah ini dengan baik. Tak boleh masuk sangat. Entah!

Pertukaran perwatakan Rania agak mendadak. Sebelum kahwin dan selepas kahwin seperti dua watak yang berbeza. Kalau kat dunia realiti, aku benci manusia yang perwatakannya berubah mendadak macam ni. Macam malaikat yang jatuh dari langit dan kena sumpah jadi manusia. Eh, ini takde kena-mengena.

Okey, lepas ni jom cari lagi karya dia yang lain!

Korang dah baca? Bacalah. Tapi risiko tanggung sendiri.

Peace!

Nickynisa says

the storyline is there but... i can't hadam the abuse part. she is a doctor. Pakar Psikoterapi as in the synopsis. but she can't handle her own problem. why she wants to stay in an abuse relationship??? why she let her husband abuse her instead of fixing his mental problem??? sori lah i takleh terima the abuse thingy.

Faradina Azlin Azahar says

ohsem... mmg ternanti2 karya acik.. tp moment baca tyme lafaz talak tue mmg kuciwa.. huhuhuhu... tp endingnyer tetap best... ngeeeee... pandai member plan. ahaks.

Kiki says

Akadku Yang Terakhir... novel ke-enam daripada one of my favourite authors, Acik Lana. I rate this novel with less stars than Acik's previous novel. It's not that I didn't like the writing... tapi I tak suka novel about duda. I gave 5 stars for "Pelangi Cinta Buat Suami", probably sebab the wife dah passed away. I don't know... but I definitely found it hard to finish this naskah.

AYT menceritakan kisah cinta seorang pakar psikoterapi, Rania Baheera dan Irham Zahri, seorang duda yang telah berkahwin (dan bercerai) sebanyak tiga kali. I guess the kahwin-cerai part was the reason why I feel turn off in the beginning. It took me about a month to continue reading this novel after I found it to be depressing.

I guess the part that I started to really enjoy reading ialah part selepas Rania dan Irham kahwin, though... I found it somewhat weird that Rania tiba-tiba saja boleh accept Irham.

I really like Rania's character. Her watak bukan seperti typical female character. I love that she can be rational about Irham's behavior and I love kesetiaan Rania towards her husband. Her reactions and actions tend to surprise me!

I suka dengan jalan cerita dalam novel ne. Ada some part tu I rasa meleret, but the story cepat back on track.

I found the conclusion for the antagonist tu quite amusing. Senang saja rupanya nak buat dia lari dari hidup Irham.

Really hard to write review on this novel sebab I just don't like the male character for his past story. I do like the transition and development of the character.

Despite my negative thoughts, I applaud Acik Lana for her brilliant effort in creating stories. Each novel memang nampak different. Different dari segi cerita... Characters pun dah berbagai-bagai... Though, satu persamaan yang I nampak is the fact that the male characters tend to act the same after they realised that they love their girl. All those different characters menjadi lelaki yang romantik, attentive and sweet.

With that said, I actually nak bagi 3.5 stars, tapi takde point here, so bagi 4 la. Huhu

Sinopsis:

Tugas sebagai seorang Pakar Psikoterapi telah menemukan Rania Baheera dengan seorang duda yang tiga kali berkahwin, tiga kali bercerai tanpa sebab bernama Irham Zahri. Dan keengganan Irham Zahri untuk bekerjasama dalam setiap sesi terapi yang diatur menambahkan rasa sebal di hati Rania.

Hati yang rimas mula bergetar indah tatkala kehadiran Rania berjaya menghapus bayang-bayang silam dan menyuntik keyakinan buat dirinya. Usaha meraih kepercayaan Rania membuahkan hasil apabila cinta yang dihulur disambut penuh kasih. Dan sekali lagi lafaz akad nikah meniti di bibir Irham Zahri dengan tekad yang perkahwinan ini akan menjadi akadnya yang terakhir. Tiada lagi selepas Rania!

Tatkala dibuai keindahan menikmati alam berumah tangga, hubungan Rania dan Irham Zahri bergoncang dengan kehadiran Zalia yang menaruh dendam dan juga sikap melindungi Fazriq.

Mampukah akad yang dilafaz menjadi akad terakhir yang kekal sehingga ke hujung nyawa?

“Kerana aku mula mengerti betapa indah cintamu, Betapa agung dan tulus kasih sayangmu, Kini aku bersumpah, kau yang terakhir buatku....”

Zairaidah Abu Hassan says

Tebal... tapi seingat saya untuk habiskan cerita ni saya kena skip pages sebab dah mula boring...
Saya tak tahu apa kerja Rania as a Psychiatry (betul ke ejaan)...

Kalau dia dah sayang dengan Irham Zahri sepatutnya dia lebih tahu karakter lelaki tu macam mana. Ye la tu kan patient Rania. Selalunya la... Rania patut ajar Irham Zahri tu macam mana nak kawal diri.

Cemburu buta tu boleh membawa kepada penderaan... Rania should know that. Macam ape je main nikah cerai ni... Ego plak tinggi melangit...

mrsbudu says

best best..start ikut aktyt kat fb so now baru laa puas hati dpt tahu ending! macam biasa buah tangan acik lana x penah laaa x best... jalan cerita pon x klise wpon dah keluar 6 buah novel..first time bace novel acik hero nye baran sampai pukul isteri... oh man! why why why! irham zahari begitu...nasib baik laaa ending nye bisa buat hati lega...x nak ending mcm pcbs walaupun at the end nina & qalif bersama tapi qalif amnesia!! apa2 pon acik thumbs up !!

Naira2975 says

Book #73 - 2014

I liked it! Such an interesting read sebab banyak watak-watak yang interesting especially IRHAM. I thought cerita ini akan meleret setelah mereka berkahwin but nooooo! Writer bijak grasp balik attention pembaca which hence made it difficult for pembaca to put down this book. Syabas!

Novel Annie says

arghhhh... geramnya dgn abg Irham. rasa mcm nk ketuk ke kepala abg Irham...hehehee... Rania suka kt Irham tp tak nk luahan pula. mmg suka sgt main tarik tali. Abg Irham suka sgt buat andaian sndiri..lepas tu mula la muncul baran. kasihan kat Rania.

Intan Musa says

Akhirnya habis baca. Busy week to read such book. Topik yang sangat mencabar tapi telah di olah dengan baik oleh penulis. Syabas!

Rania Baheera adalah anak bungsu yang dibesarkan dalam sebuah keluarga yang sangat menyayangi dirinya. Dia berkerja sebagai seorang pakar psikoterapi. Dirinya dalam diam menyimpan perasaan sayang kepada abang angkatnya, Fazriq. Tetapi perasaannya terluka bila dapat tahu bahawa Fazriq menyintai kakaknya,

Zulin. Dalam masa yang sama, dia ditugaskan untuk membantu Irham Zahri sembuh dari trauma yang telah lama dia hidapi. Kerana trauma itu, Irham Zahri telah berkahwin serta bercerai dalam jangka masa yang pendek sebanyak tiga kali tanpa rasa belas pada bekas isteri-isterinya. Irham mula ada perasaan cinta pada Rania kerana mereka sering bersama tetapi Rania telah berbohong bahawa dia telah berkahwin. Lalu Irham cuba untuk menghilangkan perasaannya itu, tetapi suatu hari pembohongan Rania terbongkar. Lalu dia terus berusaha untuk memikat hati Rania. Akhirnya, Rania juga jatuh cinta pada Irham. Mereka berkahwin walaupun ibu dan bapa Irham takut bahawa dia belum sembuh betul. Rania pula tidak berterus-terang tentang penyakit Irham kepada keluarganya. Mula-mula hidup mereka bahagia. Tetapi Irham mula berubah bila dia mula rasa cemburu dengan perhatian yang Fazriq berikan pada Rania. Irham mula berkasar dengan Rania. Bila keluarga Rania dapat tahu mengenai penyakit Irham serta layanan Irham pada Rania, mereka bawa Rania pulang. Irham mula menyesal akan perlakuannya terhadap Rania. Dia menceraikan Rania lalu pergi jauh untuk mendapatkan rawatan. Sementara itu, Rania menunggu kepulangan Irham. Irham dan Rania masih saling menyintai. Tetapi bila Irham pulang setelah bertahun di luar negara, dia tersalah sangka mengenai hubungan Rania dengan Dr Herdy. Irham cuba menjauhkan diri. Rania berkeras untuk mendapatkan Irham kembali. Akhirnya, keluarga mereka dapat menyatukan mereka kembali setelah melihat betapa mereka sangat memerlukan diri masing-masing.

Hajar says

3.5*

Agak lelah juga bila ada pilhan untuk lalu highway tapi kita pilih jalan biasa. Tak dinafikan yang kita disajikan dengan permandangan indah sepanjang perjalanan, cuma masa yang patutnya dapat dijimatkan terbuang begitu saja.

Fuh, bermetafora pulaaa...

27-04-2014

Setelah mengalami kegagalan perkahwinan sebanyak tiga kali, Irham Zahri (Irham) dipaksa oleh bapanya untuk mendapatkan rawatan terapi bersama pakar psikoterapi. Dan ditakdirkan Rania Baheera (Rania) pula yang ditugaskan untuk menjadi pakar psikoterapi untuk memulihkan Irham. Memang jadi satu tanggungjawab yang besar buat Rania untuk menggali dan mengkaji permasalahan peribadi klien yang seorang ini lebih-lebih lagi bila Irham sendiri enggan memberikan kerjasama dalam setiap sesi terapi yang telah diatur.

Pelbagai helah diatur oleh Irham untuk buat Rania berputus asa daripada meneruskan sesi terapi sehingga sanggup buat perancangan untuk 'merosakkan' Rania. Haih. Mujurlah Irham ni masih waras. Hari demi hari hubungan mereka makin baik lebih-lebih lagi bila Rania mengambil keputusan untuk mengikut Irham ke Johor Bahru selepas kecewa dengan berita perkahwinan kakak kesayangannya dengan Fazriq, abang angkat yang dicintainya dalam diam. Sungguh pun hubungan mereka semakin menunjukkan perubahan positif, Irham masih enggan berkongsi masalahnya dengan Rania sepanjang menjalani tempoh terapi itu.

Namun, segalanya berubah selepas pertemuan Rania dengan Puan Badariah, ibu Irham. Selama ini Rania memang berselindung di sebalik status seorang isteri untuk meraih kepercayaan Irham. Kedatangan Puan Badariah pula membongkar status sebenar Rania sekaligus memberi peluang kepada Irham untuk mendekati Rania. Bimbang dengan perubahan Irham (dan mungkin juga perasaan sendiri) buat Rania mengambil keputusan untuk pulang ke Kuala Lumpur dan menyerahkan kes Irham kepada ketuanya. Mampukah Rania menolak kehadiran lelaki yang mula mendapat tempat di hatinya itu. Dan yang paling penting, mampukah

Rania membantu memulihkan masalah psikologi yang dihadapi oleh Irham?

Komen saya:

1. Seperti biasa, penulis sentiasa menjaga penggunaan bahasa dalam penulisannya. Saya suka! :)
 2. Seperti biasa juga, hero mesti 'ganteng' dan ada aura *kerek* yang akhirnya akan jatuh cinta tergolek-golek kepada heroin. Oh, jangan lupa. Ayat-ayat mesti manis bergula untuk tawan hati heroin. :D (*Definitely not my type*. Ngee...)
 2. Heroin kedua yang bertudung selepas Imanina (Pelangi Cinta Buat Suami, yang saya belum berkesempatan untuk baca). Suka watak Rania ni sebab dia tegas dan tak mudah berputus asa. Dia tau apa yang dia mahu, cuma ketegasannya sedikit *turn-off* waktu dia hadapi masalah rumahtangga.
 3. Kali ni saya dapat rasakan penulis buat sedikit *research* untuk kerjaya Rania dan Irham. Walaupun tak begitu *detail*, tapi usaha itu ada. Tahniah. *At least*, pembaca tak hanya digula-gulakan dengan kisah hero dan heroin semata. :)
 4. *Level* 'kemanisan' juga dah semakin berkurang. Terima kasih atas usaha untuk memetaforakan adegan-adegan yang tak sesuai dibaca oleh adik-adik. Mungkin boleh cuba metaforakan dengan lebih baik untuk karya yang akan datang. :)
 5. Kisah mereka ni mudah je sebenarnya. Cuma bagi saya penulis lebih suka bawa kita melalui 'jalan kampung' untuk nikmati pemandangan sedangkan kita ada pilihan untuk melalui *highway* yang pastinya akan lebih pantas membawa kita ke destinasi yang kita nak tuju. Haha. Maafilah. Terlebih metafora pula. :P
 6. Tahniah buat penulis atas kelahiran karya terbarunya ini. Semoga terus dikurniakan ilham untuk berkarya. :)
-